

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Program “Rent To Own” akan mula diperkenalkan di Sabah kerana ianya telah mula dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent To Own* (RTO) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Semenanjung Malaysia pada tahun 2017. Skim ini bertujuan membantu pemohon PPR yang berkelayakan tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan untuk memiliki rumah.

2. Bagi tujuan pelaksanaan Skim RTO untuk PPR di Sabah, KPKT telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Kerajaan Negeri Sabah. Terdapat beberapa perkara berkaitan dasar, perundangan serta mekanisme pelaksanaan yang perlu diperhalusi oleh kedua-dua pihak sebelum pelaksanaan Skim RTO ini dapat dimulakan. Selain itu, faktor kemampuan penghuni PPR untuk membayar sewa melalui kaedah RTO ini juga perlu diteliti dengan lebih mendalam memandangkan kiraan kadar sewa PPR melalui Skim RTO adalah lebih tinggi berbanding kadar sewa semasa iaitu di antara RM140-RM160 sebulan.

3. Dalam hubungan ini, cadangan pelaksanaan Skim RTO di Negeri Sabah akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.